



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 9 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

9/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	MINISTER SHOCKED TO FIND 88% OF TEENS SEXUALLY ACTIVE	
	https://www.thevibes.com/articles/news/100301/minister-shocked-to-find-88-of-teens-sexually-active	THEVIBES.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	BANJIR DI KELANTAN MAKIN PULIH	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1038710/banjir-di-kelantan-makin-pulih	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1186842/banjir-kelantan-makin-pulih-separuh-mangsa-dibenar-pulang	BHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/banjir-di-kelantan-beransur-pulih-dua-pps-ditutup/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	IBU BAPA KANAK-KANAK MAUT KURANG NUTRISI DITAHAN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/08/ibu-bapa-kanak-kanak-maut-kurang-nutrisi-ditahan/	KOSMO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/12/08/polis-tahan-ibu-bapa-kanak-kanak-mati-disyaki-diabaikan/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/ibu-bapa-kanak-kanak-maut-kurang-nutrisi-direman-7-hari	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/suami-isteri-ditahan-bantu-siasatan-kematian-kanak-kanak-enam-tahun/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1038448/ibu-bapa-kanak-kanak-maut-kurang-nutrisi-ditahan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	KADAR BANTUAN AM NEGERI JKM RINGANKAN BEBAN RAKYAT	
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/08/kadar-bantuan-am-negeri-jkm-ringankan-beban-rakyat/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

9/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	711 MANGSA BANJIR PASIR MAS MASIH BERADA DI EMPAT PPS MALAM INI	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/711-mangsa-banjir-pasir-mas-masih-berada-di-empat-pps-malam-ini-449334	ASTROAWANI.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2252444	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	PERGIAT KEMPEN CEGAH KEGANASAN TERHADAP WANITA #SEMASA #MEDIASELANGOR #SELANGORTV #SEMASASTV	
	https://www.youtube.com/watch?v=sHBjX_kVafc	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
7	LELAKI DIDENDA RM7,000, BUAT HANTARAN BERBAUR LUCAH TERHADAP PEGAWAI POLIS WANITA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-didenda-rm7000-buat-hantaran-berbaur-lucah-terhadap-pegawai-polis-wanita-449291	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	PANTAU RAPI TASKA ADA REKOD KES DERA, ABAI	
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/08/pantau-rapi-taska-ada-rekod-kes-dera-abai/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	710 KES KANAK-KANAK HILANG SEJAK JANUARI HINGGA NOVEMBER	
	https://www.sinarharian.com.my/article/638717/berita/semasa/710-kes-kanak-kanak-hilang-sejak-januari-hingga-november	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK


www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

9/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	AMANG SEKSUAL: HUKUMAN TERHADAP BEKAS GURU KEKAL	
	https://www.sinarharian.com.my/article/638687/berita/semasa/amang-seksual-hukuman-terhadap-bekas-guru-kekal	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/amang-seksual-warga-emas-mahu-peguam-tak-berbayar/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/amang-seksual-hukuman-penjara-15-tahun-14-sebatan-terhadap-bekas-guru-agama-kekal-449273	ASTROAWANI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1186666/amang-seksual-penjara-15-tahun-14-sebatan-terhadap-bekas-guru-agama-kekal	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/12/amang-seksual-bekas-guru-tabligh-kekal-dijel-15-tahun-14-sebatan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1038549/amang-seksual-hukuman-penjara-15-tahun-14-sebatan-terhadap-bekas-guru-agama	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	SUAMI ISTERI MENGAKU SALAH LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP REMAJA PEREMPUAN USIA 15 TAHUN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1038602/suami-isteri-mengaku-salah-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-perempuan	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/08/mahkamah-wanita-sumbing-dan-suami-mengaku-lakukan-amang-seksual-terhadap-budak-15-tahun/	KOSMO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suami-isteri-mengaku-lakukan-amang-seksual-terhadap-gadis-15-tahun-449301	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/suami-isteri-mengaku-salah-buat-amang-seksual-depan-remaja-bawah-umur/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/638730/berita/semasa/suami-isteri-mengaku-lakukan-amang-seksual-terhadap-gadis-15-tahun	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2252306	BERNAMA.COM



Minister shocked to find 88% of teens sexually active

Datuk Seri Nancy Shukri says highest incidence of adolescent pregnancy in Kelantan, Sarawak and Penang.

Updated 4 hours ago - Published on 08 Dec 2023 2:00PM



Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri says she is appalled at the findings of a national survey which showed 88% of teenagers aged 13 to 18 are sexually active. – The Vibes file pic, December 8, 2023.

A NATIONAL survey among teenagers coordinated by the Women, Family and Community Development Ministry has found that up to 88% of children between 13 to 18 years old were sexually active.

The findings also showed the highest teen pregnancies purportedly occur in Kelantan, Sarawak and Penang.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said she was appalled by the results, which also showed many teens were unaware about contraceptives, sexually transmitted diseases and physical and mental health risks due to teen pregnancy.

Speaking during a gathering with women and family groups in Sibu last night, Nancy said parents and society should be concerned by the poll.

“The finding that 88% of teens aged between 13 to 18 are engaged in sexual activities shows the incidence of adolescent pregnancies is high.

“Kelantan has the highest number of teenage pregnancies, Sarawak has the second highest and Penang has the third highest,” she said.

“Kelantan has a 9.5% ratio of adolescent pregnancies (among those surveyed), Sarawak has 9.1% and Penang has 8.9% based on the findings.”

She expressed concern about the rise in sexual activity among teenagers lead to heightened problems such as baby dumping.

Nancy emphasised that sex with minors is a crime. Police have noted an increase in rapes and sexual assault cases involving teenagers.

She said the community and schools must respond with more awareness campaigns to inform teenagers about the risks of being sexually active.

She called on women’s groups and religious bodies to work with her ministry to reach out to adolescents.

In May this year, the Health Ministry reported that 33% of teenagers engage in sexual activity before reaching the age of 14.

The findings were obtained from the National Health and Morbidity Survey 2022. It had surveyed secondary school students aged 13 to 17.

The survey, conducted from June 12 to July 8 last year, showed 154,646 adolescents in Malaysia were sexually active, raising significant concerns about youth wellbeing.

Of that figure, 33% or one-third of teens – a startling 51,036 – fell into the category of engaging in sexual activities at an exceptionally young age.

It was also reported that 75% of sexually active teens reported recent sexual encounters. – The Vibes, December 8, 2023.



Banjir di Kelantan makin pulih

Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my



SEBAHAGIAN mangsa banjir yang ditempatkan di PPS Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Baroh Pial. FOTO Nik Abdullah Nik Omar

Kota Bharu: Keadaan banjir di Kelantan makin pulih apabila jumlah mangsa turun mendadak kepada 711 orang sehingga 9 malam ini berbanding 1,495 orang pagi tadi.

Susulan itu, dua pusat pemindahan sementara (PPS) ditutup sepenuhnya hari ini selepas kediaman mangsa pulih daripada banjir.

Menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kesemua mangsa banjir masih berlindung di empat PPS itu terdiri daripada 229 keluarga.

Mereka ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Gual To' Deh menempatkan 338 mangsa daripada 112 keluarga dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Baroh Pial (167 orang, 55 keluarga).

Dua lagi PPS yang menempatkan mangsa banjir adalah SK Gual Periok (136 mangsa daripada 41 keluarga) dan SMK Gual Periok (70 orang, 21 keluarga).

Disiarkan pada: Disember 8, 2023 @ 10:40pm



Kadar Bantuan Am Negeri JKM ringankan beban rakyat

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHAMED NOR 8 Disember 2023, 8:03 am



PENGERUSI Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan dan operasi negeri, Datuk Saibiah Mohamed (empat dari kiri) dan Nor Tipah (dua dari kanan) menyantuni golongan OKU di Kampar baru-baru ini.

IPOH – Keputusan kerajaan negeri Perak untuk meningkatkan kadar semasa Bantuan Am Negeri Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bernilai RM300 kepada RM400 bermula bulan hadapan memberi kelegaan kepada golongan penerima.

Pengarah JKM negeri, Nor Tipah Majin berkata, langkah yang diambil kerajaan negeri itu tepat pada masanya memandangkan kos sara hidup merupakan satu isu yang turut membelenggu rakyat ketika ini termasuk penerima bantuan.

"Kos sara hidup turut dihadapi oleh golongan penerima bantuan ini seperti warga emas dan orang kelainan upaya (OKU). Penjagaan golongan tersebut turut melibatkan wang, jadi kenaikan (bantuan) tersebut dilihat berupaya meringankan beban mereka atau penjaga.

"Peningkatan bantuan ini kelak bakal melegakan keresahan penerima yang berhadapan dengan masalah untuk menampung keperluan asas seperti makanan, melunaskan bayaran bil utiliti dan lain-lain keperluan," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad pada minggu lalu mengumumkan keputusan kerajaan negeri untuk menaikkan kadar semasa bantuan JKM di bawah Belanjawan Negeri Perak 2024.

Belanjawan berjumlah RM1.35 bilion iaitu yang tertinggi dalam sejarah negeri itu sebahagian besarnya memberi tumpuan khusus bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan mensejahterakan rakyat.

Meneruskan tema Perak Makmur, Rakyat Sejahtera sebagai kesinambungan pelaksanaan pelan Perak Sejahtera 2030, Belanjawan Perak 2024 memperuntukkan sebanyak RM491 juta untuk belanja pembangunan, manakala RM856 juta bagi belanja mengurus.

Mengulas lanjut, Nor Tipah berkata, beliau juga menyambut baik keputusan kerajaan negeri untuk mengguna pakai garis panduan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan Isi Rumah RM1,198 berbanding RM1,169 pada masa ini sebagai syarat kelayakan bantuan kewangan JKM.

"Kita menerima banyak permohonan daripada orang ramai. Bagaimanapun, tidak semua pemohon tahu jenis bantuan yang layak diterima mereka kerana ia bergantung kepada kelayakan serta kesesuaian.

"Skim Bantuan Kewangan JKM meliputi 11 jenis bantuan, antaranya, Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT), Bantuan Warga Emas (BWE) dan Bantuan Am (BA)," katanya.

Tambah beliau, terdapat beberapa matlamat pemberian bantuan tersebut, antaranya memenuhi keperluan asas bagi meringankan beban penerima serta sebagai alat sokongan sosial untuk menilai kemampuan penerima bantuan ke arah berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan.

"Ia juga berperanan sebagai alat pemulihan agar penerima bantuan terus kekal tinggal bersama komuniti atau masyarakat, selain menjadi sumber kewangan sementara mereka bagi meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup," katanya. -KOSMO! ONLINE



711 mangsa banjir Pasir Mas masih berada di empat PPS malam ini

Bernama

Disember 8, 2023 22:10 MYT



*Jumlah mangsa banjir di jajahan Pasir Mas terus berkurangan kepada 711 orang daripada 229 keluarga setakat jam 9 malam ini.
- Bernama*

KOTA BHARU: Cuaca baik hari ini menyaksikan jumlah mangsa banjir di jajahan Pasir Mas terus berkurangan kepada 711 orang daripada 229 keluarga setakat jam 9 malam ini berbanding 1,495 orang daripada 502 yang direkodkan pagi tadi.

Menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), hanya empat pusat pemindahan sementara (PPS) beroperasi malam ini berbanding enam pagi tadi.

PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Gual To' Deh menempatkan 338 mangsa daripada 112 keluarga manakala Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gual Periok (70 mangsa daripada 21 keluarga).

Di SMK Baroh Pial sebanyak 167 mangsa daripada 55 keluarga berlindung di lokasi itu dan SK Gual Periok menempatkan 136 mangsa daripada 41 keluarga



Lelaki didenda RM7,000, buat hantaran berbaur lucah terhadap pegawai polis wanita

Bernama

Disember 8, 2023 16:45 MYT



Pertuduhan terhadap Mohamad Fatariza adalah menurut Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Seorang lelaki dijatuhi hukuman denda RM7,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas mengaku bersalah membuat dan menghantar komunikasi jelic berbaur lucah kepada seorang pegawai polis wanita menerusi akaun Facebooknya, dua tahun lepas.

Hakim N.Priscilla Hemamalini menjatuhkan hukuman itu ke atas Mohamad Fatariza Abd Hamid, 49, selaku Orang Kena Saman (OKS) dan memerintahkannya menjalani hukuman penjara enam bulan, sekiranya gagal membayar denda, bagaimanapun OKS membayar denda itu.

Lelaki itu didakwa melakukan perbuatan tersebut untuk menyakitkan hati orang lain di akaun Facebook "Fatariza Hamid" pada 2.13 pagi, 30 Julai 2021 dengan pautan dibaca di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Menara KPJ, Wangsa Maju pada 11.05 pagi, tarikh sama.

Pertuduhan terhadap Mohamad Fatariza adalah menurut Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 233(3) akta sama, yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM50,000 atau penjara maksimum setahun atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya Nurilya Ellyna Nor Azmal sebelum itu memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada OKS serta orang awam supaya lebih berhati-hati dan menjaga adab dalam menggunakan media sosial.

"OKS membuat hantaran itu kepada seorang penjawat awam. Oleh itu, satu pengajaran harus diberikan kepada OKS supaya tidak mengulangi kesalahan sama," kata Nurilya Ellyna.

Peguam Salmi Hamdan Sabran yang mewakili OKS merayu hakim mengenakan hukuman ringan dengan alasan anak guamnya mempunyai tiga anak dan seorang daripadanya merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) serta menghidap penyakit jantung.

"Ini merupakan kesalahan kali pertama anak guam saya dan dia memohon maaf serta insaf atas kesalahan yang dilakukannya. OKS berharap mahkamah dapat memberikan peluang kedua untuk dia berubah ke arah yang lebih baik," kata peguam itu.



Pantau rapi taska ada rekod kes dera, abai

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI | 8 Disember 2023, 8:52 am



GAMBAR HIASAN

SABAN hari, rakyat Malaysia disajikan dengan berita kes penderaan bayi dan kanak-kanak termasuk yang berakhir dengan kematian menyayat hati.

Biasanya, kes-kes tersebut berlaku di taska dan pusat penjagaan tidak berdaftar. Impaknya bukan hanya fizikal, tetapi turut meninggalkan kesan mendalam kepada emosi mangsa dan keluarga.

Persoalannya, sampai bila kes ini akan terus berlaku dan adakah tindakan yang diambil selama ini tidak cukup berat?

Mengikut data Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 3,666 mangsa didera di seluruh negara sejak 2018 hingga Jun lalu.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Asisten Komisier Siti Kamsiah Hassan dilaporkan berkata, daripada jumlah kes yang direkodkan itu, sebanyak 3,264 suspek dikenal pasti dengan 964 daripada mereka memabitkan pengasuh, pembantu rumah, pengasuh taska, penjaga dan suami pengasuh.

"Antara suspek lain yang dikenal pasti adalah penjaga rumah anak yatim dan juga guru mangsa.

"Sikap tidak bertanggungjawab individu terutama pihak yang membuka pusat asuhan semata-mata untuk mendapatkan pulangan kewangan antara punca yang mendorong berlakunya kes-kes berkaitan penderaan terhadap bayi dan kanak-kanak," kata beliau.

Menurut Siti Khamsiah, sikap tamak pusat asuhan yang menggaji pengasuh tidak terlatih dan tidak mempunyai ilmu berkaitan penjagaan bayi dan kanak-kanak juga mendorong kepada kes penderaan di negara ini.

Tambah beliau, apabila pengasuh yang digaji tidak mempunyai ilmu yang secukupnya, ia akan membawa kepada perasaan tidak sabar dalam mengendalikannya kerena kanak-kanak.

"Tiada minat dan ilmu dalam mendidik serta mengawal kanak-kanak juga boleh menyebabkan tindakan di luar kawalan yang boleh mengancam nyawa bayi atau kanak-kanak di bawah jagaan para pengasuh.

"Situasi ini boleh membawa kepada berlakunya kemalangan seperti bayi tertangkap kain bedong atau napkin ketika mereka tidur, tersedak susu dan tercekik makanan," katanya.

Jelas beliau, individu yang terbabit dengan kes penderaan kanak-kanak dan bayi boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengasuhan dan Perkembangan Awal Kanak-kanak Berdaftar Malaysia (PPBM), Anisa Ahmad memberitahu, kerajaan perlu lebih serius dalam memantau pengusaha taska tidak berdaftar bagi mencegah kes-kes penderaan memabitkan pengasuh.


"Melalui pengamatan saya, kebanyakan kes penderaan bayi dan kanak-kanak oleh pengasuh yang dilaporkan sebelum ini memabitkan premis yang tidak berdaftar atau tiada pemantauan daripada pengusaha.

"Pihak berwajib wajar mengambil perhatian lebih serius terhadap kewujudan taska tidak berdaftar tanpa mengira siapa pemiliknya.

"Begitu juga dengan taska yang pernah mempunyai track record kes penderaan perlu ada penguatkuasaan dan pemantauan rapi bagi mengelak kejadian sama berulang," katanya kepada Kosmo!

"Begitu juga dengan taska yang pernah mempunyai track record kes penderaan perlu ada penguatkuasaan dan pemantauan rapi bagi mengelak kejadian sama berulang," katanya kepada Kosmo!

Anisa menambah, tidak hanya pihak berwajib, peranan utama perlu dimainkan oleh ibu bapa supaya mereka lebih selektif dalam memastikan taska yang dipilih memenuhi ciri keselamatan atau bebas sebarang kes berkaitan penderaan pengasuh. -KOSMO! ONLINE



710 kes kanak-kanak hilang sejak Januari hingga November

oleh MOHAMAD HISYAMUDDIN AYUB [Follow](#) 08 Disember 2023 04:14pm Masa membaca: 1 minit



Analisa dan kajian kes daripada statistik, PDRM mendapati kehilangan kanak-kanak adalah berpunca dari enam kategori. Foto hiasan 123RF, gambar kecil: Siti Kamsiah

KUALA LUMPUR - Sebanyak 710 kes kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dilaporkan hilang bermula Januari sehingga November tahun ini.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, daripada jumlah tersebut, seramai 634 orang telah dijumpai semula dengan kadar peratusan sebanyak 89.3 peratus.

Beliau berkata, sejumlah 76 orang kanak-kanak yang hilang itu masih belum ditemui sehingga kini.

"Analisa dan kajian kes daripada statistik, PDRM mendapati kehilangan kanak-kanak adalah berpunca dari enam kategori.

"Pertamanya lari dari rumah dan faktor utama kanak-kanak atau remaja dilaporkan melakukan perbuatan itu disebabkan ingin bebas daripada kongkongan keluarga atau penjaga.

"Lari dari rumah adalah punca yang paling banyak iaitu menyumbang seramai 82.26 peratus daripada keseluruhan kes," katanya kepada Sinar Harian pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Siti Kamsiah berkata, selain keinginan mencari kebebasan, punca yang menyumbang kepada gejala lari dari rumah adalah ketidakharmonian dalam keluarga.

Tambahnya, tindakan lari dari rumah adalah bertujuan mengikut kawan atau kekasih, salah faham dengan ahli keluarga, mencari pekerjaan pada usia yang muda, kurang perhatian keluarga serta tidak minat belajar.

Selain itu katanya, kehilangan kanak-kanak disebabkan faktor kemalangan adalah sebanyak 0.83 peratus.

Menurut beliau, kejadian terlibat dalam kemalangan atau bencana seperti kejadian tanah runtuh, lemas di sungai, sesat di hutan, hilang di dalam kebun dan dibaham buaya.

Jelasnya, kategori kehilangan tersebut menyumbang seramai 2.16 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Bagi kategori menjadi mangsa jenayah, Siti Kamsiah berkata, jumlah yang dicatatkan sekitar 0.04 peratus.

Menurutnya, kanak-kanak yang terlibat dalam kes jenayah ekoran jadi mangsa balas dendam dan kemarahan daripada individu tidak bertanggungjawab terhadap ibu bapa mangsa.

Jelasnya, kumpulan kanak-kanak yang diculik itu dipercayai telah didera dan dibunuh oleh suspek.

Tegas beliau, walaupun penyumbang statistik kepada kategori tersebut paling sedikit, namun kes melibatkan kanak-kanak menjadi mangsa jenayah adalah sangat serius dan sentiasa diberikan fokus yang sangat tinggi oleh PDRM.

Selain itu katanya, kanak-kanak di bawah umur yang dilarikan oleh penjaga pula sebanyak 1.39 peratus.

Jelas beliau, tindakan dilarikan oleh ibu atau bapa atau penjaga berpunca daripada konflik dalam isu penjagaan anak.

Tambahnya, ia juga melibatkan hak tuntutan hak penjagaan anak yang mana salah satu pihak disyaki melarikan kanak-kanak tersebut.


Berhubung perkara itu menurutnya, isu tersebut termasuk dalam kes melibatkan penjaga yang sah dan tidak sah.

"Bagi kes hilang yang tidak diketahui punca adalah sebanyak 4.15 peratus.

"Sebagai contoh kes di Sarawak, seorang ibu bangun dari tidur mendapati anaknya yang berusia 6 tahun didapati telah tiada.

"Si ibu mengesyaki anaknya terjatuh dalam sungai kerana tempat tinggal adalah rumah atas air.

"Tiada kesan pencerobohan dan tiada tuntutan tebusan dibuat oleh mana-mana pihak. Malah tiada saksi mata yang boleh mengesahkan kejadian," ujarnya.



TAJUK : SUAMI ISTERI DITAHAN KES ANAK MENINGGAL DUNIA

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 9 DIS 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Suami isteri ditahan kes anak meninggal didera

Kuala Lumpur: Penunggang p-hailing dan isterinya ditahan bagi membantu siasatan berhubung kes anak mereka yang dipercayai didera dan diabaikan hingga meninggal dunia di sebuah flat di Bandar Tun Razak, di sini, pada 2 Disember lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid, berkata pasangan suami isteri berusia 30-an itu direman hingga 13 Disember ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001, iaitu pengabaian terhadap kanak-kanak.

“Bapa kanak-kanak berkenaan bekerja sebagai penunggang p-hailing, manakala ibunya seorang suri rumah. Pasangan ini turut mempunyai dua lagi anak masing-masing berusia tiga dan tujuh tahun yang berada dalam keadaan sihat, te-

tapi kedua-duanya diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk jagaan sementara,” katanya selepas Majlis Perasmian Balai Polis Setiawangsa disempurnakan Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Bukit Aman, Datuk Seri Aidi Ismail.


Sabtu lalu seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun dilaporkan meninggal dunia ketika mendapatkan rawatan di Hospital Tunku Azizah, dipercayai didera dan diabaikan penjaganya di sebuah flat perumahan di Bandar Tun Razak.

Hasil bedah siasat mendapati kanak-kanak itu menghadapi beberapa masalah kesihatan berikutan dilahirkan pramatang dan meninggal dunia disebabkan kekurangan nutrisi (malnourished).



“Pasangan ini turut mempunyai dua lagi anak yang berada dalam keadaan sihat, tetapi kedua-duanya diserahkan kepada JKM”

Allaudeen Abdul Majid, Ketua Polis Kuala Lumpur



TAJUK : IBU BAPA ABAI ANAK DIREMAN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 9 DIS 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kuala Lumpur

Polis menahan ibu bapa seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun yang meninggal dunia di Hospital Tunku Azizah, di sini Sabtu lepas, dipercayai akibat didera dan diabaikan.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Allaudeen Abdul Majid berkata, pasangan suami isteri berusia 30-an itu direman hingga 13 Disember ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 iaitu pe-

ngabaian terhadap kanak-kanak

"Bapa kanak-kanak berkenaan bekerja sebagai rider p-hailing manakala ibunya suri rumah. Pasangan ini turut mempunyai dua lagi anak berumur tiga dan tujuh tahun yang ber-

BUDAK ENAM TAHUN MAUT DIPERCAYAI DIDERA IBU BAPA ABAI ANAK DIREMAN


Hasil bedah siasat mendapati kanak-kanak itu menghadapi beberapa masalah kesihatan berikutan dilahirkan pramatang dan meninggal dunia disebabkan kekurangan nutrisi (*malnourished*).

ada dalam keadaan sihat, dan kedua-duanya diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk jagaan sementara," katanya selepas Majlis Perasmian Balai Polis Setiawangsa yang di-sempurnakan Pengarah Jabatan Pencegahan Jena-

yah dan Keselamatan Komuniti Bukit Aman Datuk Seri Aidi Ismail.

Sabtu lalu seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun dilaporkan meninggal dunia ketika mendapatkan rawatan di Hospital Tunku Azizah, dipercayai akibat didera dan diabaikan penjaganya di sebuah flat perumahan di Bandar Tun Razak.

Hasil bedah siasat mendapati mangsa menghadapi beberapa masalah kesihatan berikutan dilahirkan pramatang, dan meninggal dunia disebabkan kekurangan nutrisi (*malnourished*).



TAJUK : KEKAL JEL 15 TAHUN, SEBATAN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 9 DIS 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

KES SERANGAN SEKSUAL FIZIKAL MURID 12 TAHUN

KEKAL JEL 15 TAHUN, SEBATAN

Putrajaya

Mahkamah Rayuan semalam, mengekalkan hukuman penjara 15 tahun dan 14 sebatan yang dikenakan ke atas bekas guru agama yang disabitkan dengan tujuh kesalahan melakukan serangan seksual fizikal ke atas murid tahun enam, empat tahun lalu.

Rayuan Abidin Abdullah terhadap hukuman penjaranya sudah dibatalkan oleh panel tiga hakim diketuai Hakim Datuk Had-

hariah Syed Ismail selepas dia (Abidin) menarik balik rayuan itu.

Hakim Hadhariah, yang bersidang bersama Hakim Datuk Azman Abdullah dan Datuk Azmi Ariffin berkata, sabitan dan hukuman penjara terhadap Abidin kekal.

"Orang dewasa kena beri contoh yang baik kepada orang muda terutamanya kepada pelajar," kata beliau.

Abidin, 50, didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen pada 11 Oktober 2021 terhadap tujuh pertudu-

han sebagai seorang yang mempunyai hubungan amanah iaitu guru agama, telah melakukan serangan seksual fizikal ke atas budak lelaki berusia 12 tahun itu di Shah Alam, Selangor antara 21 September 2019 dan 5 Oktober, tahun yang sama.

Abidin dijatuhi hukuman penjara 15 tahun dan dua sebatan bagi setiap

pertudahan.

Dia diperintahkan menjalani hukuman itu serentak daripada tarikh dia ditangkap iaitu pada 7 Oktober 2019 yang bermakna dia akan menjalani hukuman penjara selama 15 tahun dan dikenakan 14 sebatan.

Mahkamah Sesyen turut memerintahkan Abidin menjalani kaunseling pe-

mulihan selama 10 tahun mengikut Seksyen 26 (1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 serta pengawasan polis selama tiga tahun selepas selesai hukuman penjara.

Dia gagal dalam rayuannya di Mahkamah Tinggi pada 12 Ogos tahun lalu.

Peguam, Mohamad Zaidan Daud yang mewakili Abidin pada mulanya memohon mahkamah mengurangkan hukuman penjara anak guamnya.


Hakim Azman bagaimanapun berkata, mahka-

mah boleh memerintahkan supaya hukuman penjara 15 tahun itu berjalan berturut-turut yang bermakna hukuman penjara Abidin akan bertambah kerana kesalahan yang dilakukan Abidin adalah berasingan.

Selepas berbincang dengan anak guamnya, Mohamad Zaidan memberitahu mahkamah bahawa anak guamnya ingin menarik balik rayuannya.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Solehah Noratikah Ismail.

"Orang dewasa kena beri contoh yang baik kepada orang muda terutama kepada pelajar"



TAJUK : COUPLE HELD OVER ABUSE, NEGLECT OF 6-YEAR-OLD CHILD

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 9 DIS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

DAUGHTER FOUND DEAD AT HOME

Couple held over abuse, neglect of 6-year-old child

KUALA LUMPUR: A p-hailing rider and his wife have been detained to assist in an investigation into the death of their child.

Their 6-year-old girl was found dead in a flat in Bandar Tun Razak here on Dec 2, believed to be the result of abuse and neglect.

Kuala Lumpur police chief Datuk Allaudeen Abdul Majid said the couple, in their 30s, were remanded until Dec 13 to facilitate investigations under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001 for child neglect.

"The child's father works as a p-hailing rider, while the mother is a homemaker.

"They have two other children, aged 3 and 7, both in good health, who have been placed under the care of the Social Welfare Department for temporary custody."

Last Saturday, the girl reportedly died while receiving treatment at the Tunku Azizah Hospital here.

She was believed to have been abused and neglected by



“They have two other children... who have been placed under the care of the Social Welfare Department...”

**DATUK ALLAUDEEN
ABDUL MAJID**
Kuala Lumpur police chief

her guardian.

Post-mortem results indicated that the child faced several health issues due to premature birth and died from malnutrition.



TAJUK :	ABAI ANAK SEHINGGA MENINGGAL DUNIA, POLIS TAHAN PASANGAN SUAMI ISTERI		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	9 DIS 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Abai anak sehingga meninggal dunia, polis tahan pasangan suami isteri

KUALA LUMPUR: Polis menahan ibu bapa kepada seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun yang meninggal dunia di Hospital Tunku Azizah, di sini Sabtu lepas, dipercayai akibat didera dan diabaikan.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Allaudeen Abdul Majid berkata, pasangan suami isteri yang berusia 30-an itu direman hingga 13 Disember ini bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu pengabaian terhadap kanak-kanak

“Bapa kanak-kanak berkenaan bekerja sebagai rider p-hailing, manakala ibunya seorang surirumah. Pasangan ini turut mempunyai dua lagi anak berumur tiga dan tujuh tahun yang berada dalam keadaan sihat, dan keduanya telah diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk jagaan sementara,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Balai Polis Setiawangsa yang disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Bukit Aman Datuk Seri Aidi Ismail.




PERASMIAN: Allaudeen berucap pada Majlis Perasmian Balai Polis Setiawangsa, Kuala Lumpur semalam. — Gambar Bernama

Sabtu lepas seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun dilaporkan meninggal dunia ketika mendapatkan rawatan di Hospital Tunku Azizah, dipercayai akibat didera dan diabaikan oleh penjaganya di sebuah flat perumahan di Bandar Tun Razak.

Hasil bedah siasat mendapati kanak-kanak itu menghadapi beberapa masalah kesihatan berikutan dilahirkan pramatang, dan meninggal dunia disebabkan kekurangan nutrisi (malnourished).

Sementara itu, mengulas mengenai perlawanan final Piala Malaysia 2023 antara Johor Darul Ta'zim (JDT) dan Terengganu FC (TFC) malam ini (semalam), Allaudeen menasihatkan penyokong kedua-dua pasukan untuk tidak membuat kecoh sebelum, semasa dan selepas perlawanan.

Beliau berkata, tindakan yang tegas akan dikenakan terhadap mana-mana penyokong yang mencestuskan kekecohan malam ini (semalam). — Bernama



TAJUK : HUKUMAN PENJARA 15 TAHUN, 14 SEBATAN BEKAS GURU AGAMA KEKAL

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 9 DIS 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Hukuman penjara 15 tahun, 14 sebatan bekas guru agama kekal

Disabitkan dengan tujuh kesalahan melakukan serangan seksual fizikal ke atas murid tahun enam, empat tahun lepas

PUTRAJAYA: Mahkamah Rayuan semalam mengekalkan hukuman penjara 15 tahun dan 14 sebatan yang dikenakan ke atas bekas guru agama yang disabitkan dengan tujuh kesalahan melakukan serangan seksual fizikal ke atas pelajar darjah enam empat tahun lepas.

Rayuan Abidin Abdullah terhadap hukuman penjaranya telah dibatalkan oleh panel tiga hakim diketuai Hakim Datuk Hadhariah Syed Ismail selepas dia (Abidin) menarik balik rayuan itu.

Hakim Hadhariah, yang bersidang bersama Hakim Datuk Azman Abdullah dan Datuk Azmi Ariffin, berkata sabitan dan hukuman penjara terhadap Abidin kekal.

“Orang tua kena beri contoh yang baik kepada orang muda terutamanya kepada

pelajar,” kata beliau.

Abidin, 50, didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen pada 11 Oktober 2021 terhadap tujuh pertuduhan sebagai seorang yang mempunyai hubungan amanah iaitu guru agama, telah melakukan serangan seksual fizikal ke atas budak lelaki berusia 12 tahun itu di Shah Alam, Selangor antara 21 September 2019 dan 5 Oktober, tahun yang sama.

Abidin dijatuhi hukuman penjara 15 tahun dan dua sebatan bagi setiap pertuduhan. Dia diperintahkan menjalani hukuman itu serentak dari tarikh dia ditangkap pada 7 Oktober 2019 yang bermakna dia akan menjalani hukuman penjara selama 15 tahun dan dikenakan 14 sebatan.

Mahkamah Sesyen turut memerintahkan Abidin menjalani kaunseling pemulihan

“Orang tua kena beri contoh yang baik kepada orang muda terutamanya kepada pelajar.”

Datuk Hadhariah Syed Ismail
Hakim Mahkamah Rayuan

selama 10 tahun mengikut Seksyen 26 (1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 serta pengawasan polis selama tiga tahun selepas selesai hukuman penjara.

Dia gagal dalam rayuannya di Mahkamah Tinggi pada 12 Ogos tahun lepas.

Peguam Mohamad Zaidan Daud yang mewakili Abidin pada mulanya memohon mahkamah mengurangkan hukuman penjara anak guamnya.

Hakim Azman bagaimanapun berkata mahkamah

boleh memerintahkan supaya hukuman penjara 15 tahun itu berjalan berturut-turut yang bermakna hukuman penjara Abidin akan bertambah kerana kesalahan yang dilakukan Abidin adalah berasingan.

Selepas berbincang dengan anak guamnya, Mohamad Zaidan memberitahu mahkamah bahawa anak guamnya ingin menarik balik rayuannya.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Solehah Noratikah Ismail. — Bernama